

Banjir rencat tarik 20 juta pelancong

KOSMO 25/1

SUBANG - Banjir berterusan yang melanda Johor, Pahang dan Sabah sedikit sebanyak menjejaskan misi untuk menarik 20.1 juta pelancong ke negara ini sepanjang Tahun Melawat Malaysia 2007 (TMM 2007).

Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Donald Lim Siang Chye berkata, Johor dan Sabah merupakan antara pusat tarikan pelancongan yang berpotensi dan bencana yang berlaku amat mendukacitakan.

Menurutnya, gelombang ketiga yang

diramal akan berlaku di Johor dan kejadian banjir yang berlaku sebelum ini pasti menjejaskan TMM 2007.

Ini ekoran, banyak tempat pelancongan yang tidak boleh dilawati selain menghalang kemasukan pelancong yang kebanyakan warga Singapura.

"Kita menerima kemasukan pelancong yang ramai terutama warga Singapura selain negara itu merupakan hab pelancong sebelum masuk ke Malaysia melalui Johor," katanya selepas merasmikan Pesta Musim Bunga sempena Tahun

Baru Cina di sini semalam.

Bagaimanapun jelasnya, kerajaan tetap meneruskan usaha menjalankan promosi memperkenalkan Malaysia sempena TMM 2007 bagi menjana sasaran pendapatan sebanyak RM44.5 bilion.

Sebelum itu, beliau telah merasmikan Pesta Musim Bunga anjuran Sunway Pyramid Sdn. Bhd. yang disertai 60 warga emas dari Rumah Orang-Orang Tua Seri Setia, Rumah Charis dan Rumah Victory dari sekitar Kuala Lumpur.